

Kajian aliran elektrik diterbitkan dalam jurnal

Remaja Pakistan bergelar saintis

■ LAHORE 9 OKT.

SEORANG remaja lelaki Pakistan bergelar saintis muda pada usia 17 tahun apabila kajian mengenai aliran elektrik berbentuk sarang lebah yang dilakukannya diterbitkan dalam jurnal *Royal Society Open Science*.

BBC melaporkan, fenomena elektrik sarang lebah berlaku apabila lapisan minyak yang diletakkan di atas litar elektrik di antara elektrod tajam dan leper.

Ketidakstabilan yang disebabkan oleh pembentukan ion dengan menggunakan tekanan ke atas permukaan minyak boleh mewujudkan corak menarik



Kajian seperti anak-anak dan anda rasa seperti keluar daripada dunia ini apabila ia (kajian) diterima untuk penerbitan."

MUHAMMAD SHAHEER

yang kelihatan seperti sarang lebah atau tingkap kaca berwarna.

Remaja tersebut, Muhammad

Shaheer Niazi berjaya merakam gambar mengenai pergerakan ion yang membentuk corak sarang lebah, selain merekod suhu panas yang ditemukan pada permukaan minyak.

Kejayaan remaja itu tidak pernah dilakukan oleh sesiapa sebelum ini.

Muhammad Shaheer sebelum ini diberi tugas mengenai fenomena elektrik sarang lebah ketika menyertai Pertandingan Ahli Fizik Muda Antarabangsa di Rusia pada tahun lalu bersama-sama empat lagi pelajar.

Beliau mengambil masa selama setahun untuk menyiapkan penulisan kajiannya sebelum diterbitkan dalam jurnal sains

berkenaan.

Muhammad Shaheer menerima surat bahawa penulisannya diterima beberapa hari sebelum menyambut hari jadi yang ke-17 tahun pada bulan lalu.

"Kajian seperti anak-anak dan anda rasa seperti keluar daripada dunia ini apabila kajian itu diterima untuk penerbitan," katanya kepada BBC dalam satu temu bual di kediamannya di sini.

Ketika berusia 11 tahun, dia mula mengambil 25 kursus pelbagai subjek secara dalam talian dan mengakui lebih meminati teleskop serta melakukan eksperimen sains berbanding bermain alat permainan.



MUHAMMAD SHAHEER NIAZI dari Pakistan bergelar saintis muda pada usia 17 tahun menerusi kajiannya dalam fenomena elektrik 'sarang lebah'. --/AGENSI